

Lima graduan FKJ UMS terima Anugerah BEM

UB 14.12.2022 P.02

KOTA KINABALU: Seramai lima graduan Fakulti Kejuruteraan (FKJ) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima Anugerah Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) sempena Majlis Konvokesyen UMS ke-24.

Para penerima terdiri daripada graduan Program Kejuruteraan Awam Yee Yi Zhen, Yap Ken Vun (Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik), Mohd Suhailin Siman (Kejuruteraan Kimia), Evans Goh (Kejuruteraan Mekanikal), dan Priveqa Yaashini Gopalan (Kejuruteraan Minyak dan Gas).

Kesemua mereka masing-masing menerima wang tunai berjumlah RM400 yang disampaikan oleh Pro

Canselor UMSTan Sri Azman Hashim sambil disaksikan oleh Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Kasim Mansor.

Dalam pada itu, BEM dalam satu kenyataan memaklumkan anugerah berkenaan bertujuan mewajibkan para graduan kejuruteraan mendaftar dengan pihak mereka sebaik sahaja menamatkan pengajian.

Ia bagi meningkatkan kesedaran graduan mengenai kepentingan pendaftaran apabila menceburkan diri dalam bidang pekerjaan nanti.

Pihak BEM memberikan sejumlah RM10,000 bagi tempoh lima tahun bermula 2018 yang mana setiap

tahun sebanyak RM2,000 diagihkan untuk lima program dan setiap pelajar yang dipilih akan menerima wang tunai sebanyak RM400.

Pelajar yang terpilih adalah dalam kalangan pelajar tahun akhir prasiswazah bagi setiap program kejuruteraan yang mendapat keputusan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.60 ke atas dan memiliki sahsiah yang baik.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UMS Prof. Dr. Rosalam Sarbatly; Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UMS Prof. Dr. Rasid Mail dan dan Dekan FKJ UMS Prof. Madya Dr. Ismail Saad.



ANUGERAH: Azman menyampaikan anugerah BEM kepada salah seorang penerima.